

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS**  
**KAWASAN : SEPANGGAR**

**SOALAN:**

**YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) apakah perancangan Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi kesesakan lalu lintas yang semakin teruk di kawasan Sepanggar dengan pembinaan 'fly over' di Jalan Sulaman persimpangan Kg. Rampayan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan bagi pembinaan 'fly over' ini dan sekiranya ya, bilakah Kementerian bercadang untuk melaksanakannya.

## **JAWAPAN:**

(jawapan a dan b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Pelan Induk Rangkaian Pembangunan Jalan Raya di Sabah dan Sarawak, Fasa 2 (HNDP Fasa 2), kementerian ini telah mengenal pasti cadangan 2 projek untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Sepanggar, Sabah iaitu seperti berikut:

1. Menaik taraf Jalan Sulaman / UMS, Kota Kinabalu termasuk membina 3 persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan King Fisher, persimpangan Jalan UMS dan persimpangan Jalan Sepanggar (Indah Permai); dan
2. Menaik taraf Jalan Lintas, Kota Kinabalu Fasa 2, termasuk membina 3 persimpangan bertingkat di persimpangan Jalan Pintas Penampang, persimpangan Jalan Lido dan persimpangan Lintas Plaza.

Kedua-dua projek ini telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam RMKe-11 (2016-2020). Walau bagaimanapun pelaksanaan kedua-dua projek ini masih tertakluk kepada kelulusan RMKe-11 yang dijangka akan diketahui pada bulan Jun 2015 ini.

Sekian, terima kasih.